



9 April 2018
9 April 2018
P.U. (A) 92

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT SOUTHVILLE CITY) 2018

FEDERAL ROADS (SOUTHVILLE CITY INTERCHANGE) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT SOUTHVILLE CITY) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Southville City) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 April 2018.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Southville City yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Utara Selatan yang bermula dari kilometer 293.418 di koordinat U 321776.554, T 418833.151 Grid Bentuk Benar Serong di Tepi (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 294.918 di koordinat U 322913.559, T 417921.267 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) Lebuhraya Utara Selatan, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuhraya Utara Selatan di Persimpangan Bertingkat Johor Bahru termasuk Plaza Tol Masuk/Keluar Southville City dan jalan-jalan sambungannya dan berakhir di koordinat U 321443.920, T 418411.782 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

PETA PERSIMPANGAN BERTINGKAT SOUTHVILLE CITY

